

Kampung baru akan dimajukan

15 JUN 1988

KAMPAR, Jumaat — Kerajaan merancang membangunkan kampung-kampung baru di seluruh negara secara bersepadu dengan menyediakan pelbagai kemudahan yang teratur untuk penduduknya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan membina tempat-tempat perniagaan dan menswastakan beberapa tempat tertentu untuk membangunkan kampung-kampung berke-

Katanya, kerajaan juga akan menyediakan pelbagai kemudahan lain, seperti klinik dan sekolah, untuk rakyat.

Beliau berkata demikian di perjumpaan muhibah dengan kira-kira 8,000 penduduk Kampung Baru Mambang Di Awan, dekat sini, hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata kerajaan bercadang membina sebuah poliklinik di kampung baru itu bagi membantu menguruskan masalah kesihatan di situ.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, semua kampung baru juga akan disusun semula dan kerajaan akan turut membantu dalam penyusunan semula itu bagi mencapai pembangunan yang diinginkan oleh rakyat.

Menurutnya, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan tanah-tanah manakala Kerajaan Pusat akan menyediakan peruntukan wang yang lebih banyak untuk tujuan pembangunan.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat jangan terburu-buru menyalahkan kerajaan sekiranya menghadapi masalah berikutan kemelesetan ekonomi yang melanda negara ini.

Katanya, masalah kemelesetan ekonomi bukan disebabkan oleh kerajaan, sebaliknya oleh orang-orang asing yang tidak mahu membeli barangan negara ini.

"Sekiranya rakyat bergaduh sesama sendiri, ia hanya akan merugikan

kita. Sebaliknya, apa yang perlu kita lakukan ialah berusaha lebih giat supaya perniagaan mencapai keuntungan," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga sentiasa berusaha menyelesaikan masalah pengangguran, dengan menyediakan pelbagai peluang pekerjaan.

Ini termasuk menggalakkan mereka menceburi bidang perniagaan, sama ada perniagaan sendiri atau dengan perniagaan-peniagaan lain.